

Ruj. Kami:PDTSPS/03/0776/12/RUMAH/2021/

Tarikh : 30 Ogos 2021

KENYATAAN SEBUT HARGA : NO. SIRI 09/2021


1. Sebut harga ini adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dalam Gred G1 dan memiliki Taraf Bumiputera di Daerah Seberang Perai Selatan serta telah mendaftar dalam sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk kerja-kerja yang mempunyai kategori B dan pengkhususan B04 berkaitan.
2. Taklimat atau lawatan tapak bagi Sebutharga ini tidak akan diadakan oleh PDTSPS. Walau bagaimanapun, pihak kontraktor boleh merujuk lampiran Dokumen Meja bagi mendapatkan lokasi projek dan mengadakan lawatan sendiri di lokasi mulai 31 Ogos 2021 dengan mematuhi penjarakan fizikal, penggunaan *hand sanitizer* serta memakai pelitup muka.
3. Keutamaan diberikan kepada kontraktor yang mempunyai pengalaman kerja dalam pembinaan rumah kategori B dan pengkhususan B04 berkaitan.
4. Dokumen Sebut harga boleh dibeli melalui Sistem e-Perolehan di laman web <http://ep.penang.gov.my> melalui akaun masing-masing.
5. Borang Sebut harga hendaklah disertakan bersama-sama dokumen seperti di bawah:
 - a) Borang Sebut harga
 - b) Salinan Sijil CIDB (sah tempoh laku)
 - c) Salinan Penyata Kewangan Syarikat (3 bulan terakhir)
 - d) Salinan Resit Pembelian Dokumen Sebut harga
 - e) Profil Syarikat
6. Sekiranya dokumen di para 5 tidak disertakan bersama borang Sebut Harga maka, borang tersebut akan **DITOLAK**.
7. Sebut Harga ini akan ditutup pada **13 September 2021 pada jam 12.00 tengah hari**. Borang Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis No. Sebut Harga **PDTSPS 09/2021** dan Tajuk Sebut Harga di alamat seperti berikut:

Bahagian Pembangunan Daerah

Blok A, Tingkat 1

Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan

14200, Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan



(MOHD BALKISH BIN OTHMAN)

Ketua Penolong Pegawai Daerah (P)

b.p Pegawai Daerah

Seberang Perai Selaatan